



Syarahan Tahunan Naib Canselor UMT 2016 "Kesepakatan Perancangan Nilai, Kebersamaan Pelaksanaan Kecemerlangan"

oleh Prof. Dato' Dr. Nor Aieni binti Mokhtar, Naib Canselor UMT

1 Februari 2016

Bismillahirrahmanirrahim, Terima Kasih Saudari Pengacara Majlis.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam sejahtera, Salam 1 Malaysia, Salam Transformasi Terengganu Baharu, Salam 1 UMT dan Salam Sehati Sejiwa.

PEMBUKA KATA

1) Pertamanya, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa penuh kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah, kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama di majlis Amanat Tahun Baharu 2016 pada hari ini. Amanat tahun baharu ini adalah satu acara tahunan universiti di mana kita berpeluang berkumpul sebagai keluarga besar yang mempunyai nilai kesepakatan dan kebersamaan dalam menggalas amanah membangunkan sektor pendidikan tinggi negara cemerlang. Secara langsung, amanat ini memberi gambaran hala tuju universiti ini bagi tahun 2016 yang sewajarnya menjadi panduan dan rujukan oleh semua. Pada masa yang sama, peluang ini diharap dapat menjelaskan kepada warga universiti dan semua pemegang taruh, apakah perancangan perkembangan hala tuju universiti khususnya dalam menjayakan hasrat Malaysia menjadi sebuah hub pendidikan tinggi di peringkat global.

2) Amanat saya pada tahun ini akan memberikan tumpuan kepada elemen perancangan pelaksanaan yang perlu diterajui oleh universiti sama ada diperingkat dalaman, kebangsaan, serantau mahu pun dalam konteks global. Hal ini penting kerana pendidikan tinggi bertujuan bukan sahaja memenuhi tuntutan dan kepentingan dalaman negara semata-mata, tetapi menentukan kemampuan warga Malaysia mengekalkan daya saingnya dalam pentas global.

3) Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2013-2017 merupakan satu dokumentasi perancangan yang jelas dan komprehensif. Ianya merupakan naskhah hala tuju UMT dalam usaha memainkan peranan dan hasrat universiti awam berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global. Seiring dengan waktu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 (PPPM-PT) bagi memperkasakan pendidikan tinggi di Malaysia. Oleh itu, kesejajaran PSUMT dengan PPPM-PT adalah signifikan supaya kita dapat belayar pada kelajuan dan haluan yang sama.

4) Seperti kita sedia maklum, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan tinggi di Malaysia menjadi antara yang terbaik di dunia. Bagi merealisasikan hasrat ini, KPT perlu memastikan supaya semua universiti mempunyai perancangan Transformasi dan pelan tindakan yang realistik, ampuh dan jitu yang menyokong 10 lonjakan yang telah digariskan dalam PPPM-PT.

5) Berikutan kejatuhan harga minyak dan kesannya keatas ekonomi global, seiring dengan sekatan dan kekangan bajet kepada Universiti, bagi memastikan kelangsungan pentadbiran kerajaan yang lebih berkesan dan kesejahteraan rakyat terpelihara, YAB Perdana Menteri telah menggariskan dua perkara yang perlu ditumpukan oleh penjawat awam untuk tahun 2016. Perkara tersebut ialah mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan dan berfikir secara kreatif serta inovatif dalam melaksanakan tugas, yakni "do more with less". Mengoptimumkan perbelanjaan tidak bermaksud memotong perbelanjaan tetapi melihat bagaimana setiap ringgit yang dibelanjakan mendatangkan hasil dan kesan yang lebih besar. Selain itu, tumpuan juga diberikan bagaimana menggunakan daya fikir yang kreatif dan inovatif bagi penjanaan sumber dalaman serta meningkatkan produktiviti dalam melaksanakan tugas.

6) Manakala kandungan amanat tahun baharu YB Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia pula adalah mengenai konsep pendidikan fleksibel, gamifikasi, kesepunyaan, multilingual dan multidisciplinary. Penekanan yang perlu diberikan oleh UMT adalah penawaran kursus UMT Massive Open Online Courses (UMTMOOC) yang lebih meluas, perkongsian sumber antara Pusat Pengajian dan Institut, dengan institusi pengajian tinggi lain serta penawaran program yang lebih menarik dan luwes atau mempunyai akses yang lebih meluas.

7) Dalam syarahan kali ini, saya ingin menegaskan mengenai komitmen, keikhlasan menabur khidmat bakti, kerelaan memikul tanggungjawab dan budaya bekerja professional yang perlu dilengkapi dengan iltizam yang tinggi, perlu disirami dengan kesepakatan perancangan nilai dan kebersamaan pelaksanaan kecemerlangan.

PENCAPAIAN 2015

8) Tahun 2015 yang telah kita tinggalkan merupakan tahun yang penuh bermakna kepada kita semua dimana kita telah melalui pelbagai kisah kejayaan dan memperoleh pengiktirafan dalam beberapa aspek, termasuklah juga pelbagai cabaran yang harus ditangani dengan cekap.

Penstrukturan semula governan universiti

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

9) Semasa syarahan 100 hari saya pada 2015, saya telah merancang perubahan struktur governan sama ada dengan mewujudkan pusat tanggungjawab baharu atau menstruktur kembali governan sedia ada. Matlamat penstrukturan semula adalah untuk mendapatkan satu sistem tadbir urus yang cekap, efisien serta memenuhi kehendak pemegang taruh.

10) Penstrukturan kembali governan sedia ada telah dilaksanakan mengikut fasa sepertimana yang dirancang. Antaranya adalah perpindahan Pusat Islam dari Pejabat Pendaftar ke Canselori dan Pusat Kesihatan ke Pejabat Pendaftar. Penambahan portfolio kualiti kepada Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik (PPPKA) dan peluasan fungsi Pusat Bakat dan Inovasi Akademik (PBIA) turut dilaksanakan.

11) Manakala pusat-pusat tanggungjawab dan portfolio baharu atau diwujudkan semula adalah :-

- i) **Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)** sejajar dengan Lonjakan Pertama dalam PPPM (PT) 2015-2025 iaitu melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.
- ii) **Pusat Pengajian Siswazah (PPS)** dalam struktur governan UMT untuk memperkasakan pengurusan dan pentadbiran pelajar siswazah.
- iii) **Pusat Pembangunan Bakat Profesional (PPBP)** bagi meningkatkan tahap kecekapan, profesiensi dan profesionalisme pegawai.
- iv) **Pusat Antarabangsa** yang berfungsi sebagai pusat sehati yang menguruskan hal ehwal antarabangsa di UMT merangkumi urusan staf, pelajar dan jaringan antarabangsa.
- v) **Pusat Islam Sultan Mahmud** telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin. Perluasan fungsi Pusat Islam merangkumi penganjuran program keilmuan kerohanian, sejarah ketamadunan Islam, wasatiyyah, sosioekonomi dan sains yang menyokong pengukuhan bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik.
- vi) **Portfolio Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri)** yang bertanggungjawab terhadap perancangan strategik, komunikasi korporat, pemindahan ilmu dan jaringan industri.

12) Menjadi satu harapan dalam pemantapan tadbir urus ini kita ingin melihat semua nilai teras UMT dapat diamalkan dengan sebaik mungkin oleh semua warga universiti. Ghairah kepada kebenaran, mengejar kecemerlangan, pemerksaan kepimpinan akademik, menghormati kepelbagaian keserakanan dan menyemai kecintaan alam merupakan lima nilai teras yang perlu kita hayati bersama.

Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran

Para warga UMT yang dirahmati Allah sekalian,

13) Kita telah berjaya menawarkan program Sarjana Kaunseling yang merupakan program keempat sarjana kerja kursus di UMT. UMT telah dipilih sebagai universiti perintis disamping lima universiti awam lain dalam pelaksanaan Intergrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA). Pihak universiti telah memberikan penghormatan kepada Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan (PPIMG) sebagai pusat pengajian pelopor bagi pelaksanaan sistem ini. Dengan wujudnya sistem iCGPA ini adalah diharapkan penilaian prestasi pelajar dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan holistik kerana ianya mengambil kira bukan sahaja pencapaian akademik tetapi juga kemahiran insaniah.

14) Hasil gabungan kepakaran kreatif, UMT telah memenangi Anugerah Massive Open Online Course (MOOC) terbaik pada Karnival e-Pembelajaran Universiti-universiti Kebangsaan (NUCEL) 2015 dengan mengatasi universiti-universiti yang telah lama terlibat dalam MOOC.

15) Bagi memastikan kelangsungan latihan industri dan kebolehpasaran graduan yang mahir, Teaching Accounting Firm (TAF) dengan kerjasama pintar UMT-Salihin Chartered Accountant telah diusahakan. Program ini merupakan program pertama yang dilaksanakan di peringkat dunia. UMT dan Taylor's University dipilih sebagai pencetus kepada hasrat kerjasama strategik antara universiti awam dan universiti swasta dalam perkongsian *Best Practices* melalui program flagship Kementerian Pengajian Tinggi iaitu Public-Private Partnership (PPP).

Pembangunan Pelajar

Para hadirin sekalian,

16) Kejayaan seramai 54 orang anggota badan beruniform Kor Suksis UMT dalam temuduga pengambilan inspektor penuh membuktikan bahawa pelajar UMT mempunyai kemahiran kepimpinan yang tinggi dan mampu bersaing di pasaran kerja. Kita juga amat berbangga apabila staf dan pelajar diberi hak eksklusif untuk menaiki kapal selam KD Tun Razak di Markas TLDM Wilayah Timur Kuantan, Pahang.

17) Ketokohan pelajar UMT turut terserlah apabila dua pemimpin pelajar telah terpilih mengikuti Program Student Global Leadership di **St. Hugh's College Oxford, United Kingdom**. Kemampuan pelajar dalam dalam bidang penyelidikan dan inovasi turut terserlah apabila berjaya **meraih 2 pingat emas, 4 perak dan 7 gangsa** dalam **Novel Research and Innovation Competition (NRIC) 2015**.

18) Penglibatan pelajar dalam bidang sukan juga tidak menghampakan apabila berjaya menggondol 4 pingat emas, 3 perak dan 5 gangsa dalam karnival MASUM 2015. Dua orang pelajar UMT telah berjaya mewakili negara dalam bidang sukan di peringkat antarabangsa. Seorang pelajar telah meraih pingat perak dalam kejohanan *Chiangmai Open Softball 2015* manakala seorang lagi berjaya meraih tempat ke 5 kategori lightweight dalam acara berkayak dalam Kejohanan Sukan SEA di Singapura.

Keterlihatan Pengantarabangsaan

Para hadirin sekalian,

19) UMT telah dipilih **European Commission (EC)** untuk menawarkan program pengajian **Master Sains Erasmus Mundus** dalam bidang **Tropical Biodiversity and Ecosystem (TROPIMUNDO)**. UMT telah dikitiraf sebagai **Regional Training Center** berkaitan Sains Marin di peringkat **Asia Pasifik oleh Ocean Teacher Global Academy, UNESCO**. **Pangkalan Data Marin UMT di INOS** diiktiraf sebagai **Associate Data Unit (ADU) yang pertama di ASEAN** di bawah **International Oceanographic Information Data Exchange (IODE), UNESCO**.

20) Bersama dengan 4 buah universiti luar negara iaitu Universiti Kagoshima Jepun, Universiti Sam Ratulangi Indonesia, Universiti Kasesart Thailand dan Universiti Visayas Filipina, kita telah berjaya menawarkan 1 program sarjana iaitu **Sarjana Sains Perikanan dan Tropika**. **British Council** telah memilih UMT untuk menganjurkan bengkel "Early Career Links Scientists Workshop" bersama Heriot – Watt University, UK dengan pembiayaan penuh berjumlah 34,000 pound sterling.

Penyelidikan dan Inovasi

Warga UMT sekalian,

21) UMT berjaya **meraih 22 pingat daripada 25 penyertaan** dengan **6 pingat emas melalui tiga pameran penyelidikan – ITEX 2015, BIS 2015 dan PECIPTA 2015**. **Penyelidik Institut Penyelidikan Kenyir** telah berjaya merakam dengan jelas tompokan hitam pada Harimau Kumbang Melanistik di Tasik Kenyir. Kejayaan rakaman ini merupakan kejayaan pertama di dunia.

22) Kita juga berjaya **mencipta inovasi baharu** bersama Yayasan Coral Malaysia dengan pembinaan **Pelantar Perladangan Karang**. Inovasi ini merupakan satu

platform untuk larva, merangsang pertumbuhan karang melalui proses kolonisasi dan membentuk terumbu karang dan seterusnya berfungsi sebagai habitat ikan dan menyumbang kepada ekonomi pesisir.

23) **Sea Turtle Research Unit (SEATRU) UMT** telah diiktiraf United Nations Environmental Program (UNEP) sebagai salah satu institusi penyelidikan dan pemuliharaan penyu terbaik di Asia Tenggara. Pejabat Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Malaysia juga telah memberi mandat supaya UMT mempengerusikan usaha ke arah ratifikasi perundangan antarabangsa Pelindungan Spesis terancam.

24) Kapal Penyelidikan UMT iaitu **RV Discovery** telah mencatat sejarah dalam **Pelayaran Ekspedisi Saintifik Selat Melaka** melalui pelayaran selama 80 hari sejauh 3000 batu nautika dengan melibatkan 49 saintis dalam 7 bidang kajian. Selari dengan bidang tujuhan UMT, kita telah berjaya menubuhkan **Galeri Akuakultur pertama di Pantai Timur** dan terpilih sebagai **salah satu pakej edu-tourism yang ditawarkan oleh 9 buah universiti awam Malaysia**.

25) Tahniah kepada Institut Akuakultur Tropika kerana berjaya menubuhkan **Skuad Forensik Akuakultur (FORAS)**. Skuad ini bertindak sebagai pasukan forensik akuakultur pertama di Semenanjung Malaysia yang menawarkan perkhidmatan diagnosa penyakit organisma akuatik dan kualiti air kepada penternak dan industri akuakultur di Malaysia.

26) **Santuari Kuda Laut UMT** di Pengerang, Johor telah diiktiraf oleh The Malaysia Book of Record sebagai Santuari Kuda Laut Pertama di Malaysia. Bersama dengan J-Biotech, giat dijalankan usaha mewujudkan **Santuari dan Hatcheri Kuda Laut Johor di tapak RAMSAR Sg Pulai** serta **Bio-Conservation Marine Centre di Kepulauan Taman Laut Sultan Iskandar**.

27) **Ketokohan saintis UMT** terserlah sebagai pakar rujuk, ini terbukti apabila **Majlis Fatwa Negeri Terengganu mengisytiharkan bahawa pemburuan haram binatang liar adalah haram** berdasarkan maklumat dan penemuan penyelidikan yang telah dijalankan.

28) Kejayaan sekumpulan staf sokongan akademik dalam inovasi perkhidmatan juga tidak harus dipandang rendah. Syabas saya ucapkan kepada kumpulan Kreatif dan Inovatif UMT khususnya **kumpulan CUBE yang diterajui Pejabat Pendaftar** kerana telah meraih pelbagai kejayaan. Kemuncaknya, mereka telah berjaya memenangi pingat perak pada **International Convention on Quality Control Circle (ICQCC) di Gyeongnam, Korea Selatan pada bulan Oktober 2015**.

29) Ekosistem Penyelidikan di Universiti Malaysia Terengganu pada tahun 2015 menunjukkan peningkatan memberangsangkan. Perolehan geran swasta dan antarabangsa lebih 100% berbanding tahun sebelumnya. Pencapaian ini membuktikan bahawa keserjanaan penyelidik UMT semakin mendapat perhatian daripada pihak Industri dan Institusi antarabangsa.

30) Gagasan penyelidikan kluster yang diperkenalkan pada tahun 2014 telah memperlihatkan hasil melalui Flagship bertemakan 'Pembangunan Ekosistem Setiu: Pemuliharaan, Kelestarian Sumber dan Penghidupan Komuniti'. Ini menjadikan geran Niche Research Grant Scheme (NRGS) sebagai tonggak utama dalam pendekatan menyeluruh bagi mewujudkan ekosistem penyelidikan tujuhan universiti. Lebih membanggakan, buku mewah UMT yang berjudul; *Mud Crabs of Setiu Wetlands* hasil daripada projek Flagship ini telah dipilih sebagai pemenang Anugerah Buku Umum

Terbaik (Kategori Alam Semula Jadi) di Anugerah Buku Negara 2015. Selain itu, 1 Harta Intelek sedang dalam proses penghasilan untuk dipatenkan.

Inovasi Sosial

Para hadirin sekalian,

31) Beberapa projek inovasi sosial telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015, di antaranya:

- i) Program Memperkasa Komuniti Kuala Besut melalui geran NBOS4, KPM berjumlah RM200,000
- ii) Program Transformasi Minda Psikospiritual Remaja Pesisir
- iii) Program pemuliharaan belangkas – Horseshoe Crab: Going Nature in Kuala Kemaman, Terengganu
- iv) Program Melestarikan Kehidupan Nelayan Ketam Bakau di Tanah Bencah Setiu

CABARAN

*Pecah takar berganti takar,
Tempat minum si burung nuri;
Bisa ular tidakkan tawar,
Walau menyorok di akar berduri.*

Para hadirin sekalian,

32) Tafsiran pantun di atas menyebut bahawa "seseorang atau sesebuah organisasi yang hebat akan tetap hebat dalam apa jua keadaan dan kedudukan sekalipun". Izinkan saya merujuk kepada pantun di atas bagi menggambarkan keadaan yang dihadapi oleh UMT yang kita sayangi ini.

33) Cabaran pada tahun 2016 lebih hebat daripada tahun-tahun sebelumnya memandangkan keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu seterusnya membawa kepada pengurangan sebanyak 23 peratus bajet UMT pada tahun ini. Pada tahun 2016, sebanyak RM142.091 juta diluluskan berbanding RM177.056 juta pada tahun sebelumnya. Dengan itu, kita masih memerlukan sejumlah RM16 juta bagi memastikan operasi universiti berjalan seperti biasa.

34) Saya pasti pengurangan bajet ini menimbulkan persoalan dan kerisauan dalam kalangan staf terutamanya staf kontrak. Saya bersama-sama pihak pengurusan tertinggi akan mengkaji segala pilihan yang ada bagi memastikan kebajikan semua staf tetap terjaga di samping memacu budaya prestasi tinggi dan kecemerlangan universiti. Oleh itu, perancangan dan hala tuju yang terkandung dalam amanat pada tahun ini akan mengambil kira kedua-dua faktor tersebut.

35) Namun, saya percaya apa jua rintangan dan realiti cabaran yang bakal kita tempuhi ini, akan kita harungi dengan tabah, semangat nilai kesepakatan dan kebersamaan yang tinggi.

HALA TUJU

Pengenalan

Para hadirin sekalian,

36) Hala tuju yang dirancang pada tahun 2016 ini adalah berpaksikan Pelan Strategik UMT 2013-2017 yang diumumkan bersama PPPM(PT) 2015-2025 dan KPI 2016 yang ditetapkan oleh KPT dengan mengambil kira kekangan kewangan yang dihadapi.

37) KPT telah menetapkan sasaran bagi tujuh KPI utama yang perlu dicapai oleh UMT. Kita akan diberikan dana tambahan jika sasaran ini tercapai. KPI tahun 2016 adalah seperti berikut :-

- Pertama**, meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan kepada 65%;
- Kedua**, enrolmen pelajar antarabangsa sekurang-kurangnya 135 orang & enrolmen pelajar pascasiswazah antarabangsa seramai 125 orang;
- Ketiga**, penerbitan 1 artikel dalam jurnal terindeks bagi setiap pensyarah;
- Keempat**, meningkatkan nilai sitasi kumulatif setiap pensyarah kepada 15;
- Kelima**, mensasarkan 12% penjanaan pendapatan berbanding jumlah perbelanjaan operasi;
- Keenam**, mengurangkan kadar keciciran pelajar kepada 3% dan meningkatkan iGoT pelajar prasiswazah kepada 92%;
- Ketujuh**, kita berhasrat untuk berada pada kedudukan 200 teratas dalam QS Global Ranking by Subject – Earth and Marine Science.

Melahirkan Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang

Warga UMT yang dikasihi,

38) **Pelaksanaan iCGPA dan OBE** akan diperluaskan kepada semua program pengajian pada semester pertama sesi 2016/2017.

39) **Kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2015 ialah 61.5%** manakala KPI yang ditetapkan oleh KPT untuk **tahun 2016 adalah 65%**. Oleh itu, bagi mencapai sasaran ini, antara strategi yang akan dilaksanakan adalah :-

- a) Menganjurkan Karnival kerjaya secara besar-besaran peringkat zon pantai timur dengan kerjasama rapat bersama kerajaan negeri dan Sekretariat Skim Latihan 1 Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dijadualkan pada 4-6 Mac 2016
- b) Pusat pengajian dan Pusat Keusahawanan dan Kerjaya (CEC) perlu bersepakat untuk menjalin hubungan strategik bersama pihak industri.

40) **Program kesukarelawanan pelajar** akan menjadi salah satu flagship UMT pada tahun ini. Program ini akan membentuk jati diri dan mengasah kemahiran insaniah pelajar melalui khidmat bakti kepada masyarakat. Saya mengesyorkan supaya kita memperkasa pasukan sukarelawan yang dianggotai pelajar dan staf khususnya dalam bidang kepakaran UMT.

41) **Sukan tujahan seperti renang, perahu layar dan rowing** perlu diangkat sebagai sukan utama universiti selain Program Survival Laut yang telah menjadi program Flagship. TNC HEPA dan Pusat Sukan khususnya perlu memberi perhatian untuk memperkasakan sukan berunsur air dan sukan baru seperti berkuda adalah

melalui kerjasama strategik bersama agensi seperti Majlis Sukan Negeri dan persatuan sukan yang berkaitan.

42) Di samping memastikan kecemerlangan pelajar, kita juga perlu memberi perhatian kepada kebajikan mereka. UMT akan terus membela nasib para pelajar yang kurang berkemampuan melalui pelbagai saluran seperti tabung kebajikan dan tabung zakat. Untuk makluman, pada tahun 2015, sejumlah RM220 ribu telah diagihkan dan memberi manfaat kepada lebih 400 orang pelajar kurang berkemampuan.

43) Pada tahun ini, kita telah mengenal pasti seramai 42 orang pelajar yang layak dibantu. Selain bergantung kepada agihan dana tabung, saya juga ingin menyarankan kepada semua pegawai utama dan pegawai kanan UMT untuk menjadikan pelajar kita yang seramai 42 orang ini sebagai anak angkat dengan membantu mereka dari segi kewangan. Untuk makluman semua, saya sendiri telah mengambil dua orang pelajar dan menjadikan mereka sebagai anak angkat saya.

Kecemerlangan Bakat

Para hadirin sekalian,

44) Pembangunan bakat akademik perlu dilaksanakan dengan cara yang lebih efisien dan berkesan supaya kepakaran mereka dapat digunakan secara optimum untuk kecemerlangan UMT. Pelbagai program perlu dilaksanakan untuk melonjakkan bakat akademik ke tahap yang lebih tinggi.

45) Sistem penilaian pensyarah telah ditambah baik berdasarkan UMT-Teaching Excellence Plan (UMT-TEP) hasil usahasama Pusat Perancangan Pembangunan Kualiti Akademik (PPPKA) dan Pusat Bakat dan Inovasi Akademik (PBIA) dan akan dimulakan dengan program Sarjana Muda Perakaunan dibawah Pusat Pengajian Perniagaan Dan Pengurusan Maritim (PPPPM) sebagai program rintis. Adalah diharapkan sistem ini akan menghasilkan penilaian yang lebih telus dan adil.

46) UMT juga akan menyegerakan Skim Ganjaran Fleksibel khusus kepada ahli akademik antarabangsa sebagai usaha untuk menarik ilmuwan global berkongsi kepakaran di UMT. Saya ingin mengesyorkan supaya UMT melalui PBIA dapat mengenalpasti seorang malim antarabangsa dalam bidang strategik untuk berkhidmat di UMT pada tahun 2016.

47) Saya juga ingin menarik perhatian semua berkaitan program Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB), Skim Latihan Akademik IPTA (SLIA) dan Sub Kepakaran Post Doctoral (SKPD). Pada tahun ini, UMT telah mengatur strategi penawaran biasiswa seperti berikut :-

- a) 450 penawaran baharu merangkumi program SLAB, SLAI dan SKPD;
- b) Penawaran baharu kepada pegawai DS45 ke atas dan berstatus tetap sahaja, termasuk pegawai dalam tempoh percubaan, untuk mengikuti pengajian dalam negara sahaja;
- c) Felo Akademik yang telah dilantik dan belum mengemukakan permohonan pengajian atau belum memulakan pengajian akan diberi tajaan penuh oleh UMT untuk menyambung pengajian dalam negara. Walau bagaimanapun, pengajian di luar negara boleh dipertimbangkan untuk bidang kritikal yang tiada dalam negara, tertakluk kepada ranking **Top 100 universities** dan kedudukan kewangan semasa.

- 48) Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua staf yang telah dinaikkan pangkat sepanjang tahun 2015. Kita juga bersyukur kerana skim kenaikan pangkat secara fleksi kepada bakat sokongan akademik berjaya dilaksanakan secara berperingkat. Saya menyeru agar semua staf ini terus komited, cemerlang menabur bakti kepada UMT.
- 49) Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa gred dan skim perkhidmatan yang belum berjaya dilaksanakan terutamanya bagi yang melibatkan kenaikan pangkat secara hakiki. Ramai antara mereka yang telah lama berkhidmat tetapi masih belum menikmati kenaikan pangkat. Perkara seperti ini perlu diberi perhatian yang lebih terutamanya kepada ketua pusat tanggungjawab dalam memberi penilaian kecekapan kepada staf masing-masing. Ketua pusat tanggungjawab harus memainkan peranan yang efisien supaya dapat memberi motivasi serta galakan supaya kualiti perkhidmatan dapat dipertingkatkan. Penilaian yang diberikan hendaklah menjurus kepada konstruktif dan bukannya bersifat menghukum.
- 50) Di dalam kita membicarakan soal kecemerlangan bakat, kumpulan profesional dan sokongan juga tidak harus dipinggirkan. Atas dasar ini, penubuhan Pusat Pembangunan Bakat Profesional khusus untuk menguruskan pembangunan kerjaya dan memperkasa kemahiran kumpulan ini telah diwujudkan.
- 51) Beberapa perkara utama perlu diberi perhatian oleh Pejabat Pendaftar seperti menggubal program latihan staf berdasarkan kepelbagaian kepakaran dan skop tugas dengan kerjasama AKEPT dan INTAN, pemetaan dan penjajaran fungsi, beban tugas dan skop kerja seseorang pegawai dan yang paling utama menggubal pelan penggantian khusus untuk staf profesional dan sokongan.
- 52) Masa depan kerjaya staf berstatus kontrak yang cemerlang juga tidak harus diketepikan. UMT kini mempunyai lebih 200 staf profesional dan sokongan berstatus kontrak dan kita akan terus berusaha agar staf yang cemerlang dapat diserap sebagai staf tetap.
- 53) Sewaktu Amanat 100 Hari Pentadbiran Naib Canselor yang lalu, saya telah menyatakan bahawa UMT perlu menggubal sebuah pelan pembangunan sumber manusia yang dikenali sebagai *Blueprint* Bakat UMT. Secara spesifik, Pendaftar UMT, Pengarah PBIA, dekan serta pengarah setiap pusat tanggungjawab perlu bekerjasama erat bagi merealisasikan perancangan ini dan saya mensasarkan *blueprint* ini tersedia selewat-lewatnya pada suku terakhir tahun 2016.
- 54) Saya ingin menarik perhatian seluruh warga staf UMT tentang Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Pekeliling ini adalah berkaitan pelaksanaan dasar pemisah (exit policy) bagi pegawai yang berprestasi rendah dalam perkhidmatan awam di mana pegawai yang mendapat markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang setara atau kurang 60% boleh ditamatkan perkhidmatannya. Pihak pengurusan juga mengambil berat keatas beberapa kes Salah Laku yang dikenakan Tindakan Tata Tertib.
- 55) Sehubungan ini, *Teaching Excellence Program*/sistem akan di perkenalkan bagi penilaian yang lebih holistik. saya menyeru kepada semua staf agar sentiasa menunaikan amanah yang diberikan dengan penuh rasa tanggungjawab, berintegriti dan mengekalkan prestasi tinggi.

Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat

Warga UMT yang saya hormati,

56) UMT mempunyai banyak program-program pembelajaran sepanjang hayat dijalankan di pelbagai PTj. Namun demikian, pelaksanaan aktiviti ini adalah secara tidak tersusun dan tidak dihebahkan kepada warga universiti. Oleh itu, bermula pada tahun ini, program pembelajaran sepanjang hayat akan dirancang dan dilaksanakan dengan lebih tersusun di bawah tanggungjawab Dekan Pusat Pendidikan Asas dan Liberal (PPAL).

57) Di antara kursus pembelajaran sepanjang hayat yang berkait dengan kepakaran bidang tujuhan UMT adalah akuakultur (pemuliharaan belangkas, penternakan ketam nipah, penternakan ikan hiasan); agroteknologi (penternakan kelulut, penghasilan produk roselle, teknologi makanan); kursus bahasa (Inggeris, Arab, Jepun, Mandarin dan lain-lain) dan penawaran program atas talian.

58) Penekanan perlu diberikan kepada penawaran kursus bahasa Inggeris bukan sahaja kepada pelajar UMT tetapi juga kepada masyarakat luar terutamanya negeri-negeri di Pantai Timur. Tanggungjawab ini perlu digalas oleh Pengarah *English Learning Center (ELC)* di bawah PPAL.

59) Perlunya juga kepada penawaran program-program yang bersifat kebudayaan dan kesenian kepada pelajar UMT yang akan memberi nilai tambah serta semangat jati diri.

60) Mulai tahun ini juga, saya ingin Dekan PPPPM memastikan penawaran program MBA secara eksekutif di Lembah Kelang direalisasikan dengan menjadikan Pusat **Komunikasi Strategik (PKS) Putrajaya** sebagai **Kampus Kota UMT** bermula September 2016.

61) Selain daripada menjadi tanggungjawab sosial universiti, program pembelajaran sepanjang hayat ini merupakan salah satu sumber penjana pendapatan universiti.

62) Mulai tahun 2016, KPT telah memperkenalkan program **2U2i (2 University + 2 Industri)**. 2u2i merupakan **program Work Based Learning (belajar sambil bekerja) di mana pelajar akan belajar selama dua tahun di universiti dan dua tahun menimba pengalaman industri**. Sehubungan itu, saya mencadangkan agar setiap pusat pengajian perlu mengambil inisiatif ini bagi memulakannya untuk penawaran September 2016 nanti. Diharapkan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dapat merealisasikan perkara ini.

Ekosistem Inovasi

Para hadirin sekalian,

63) Pada tahun ini, UMT akan memberi perhatian lebih serius dalam meningkatkan pencapaian MyRA melalui strategi penerbitan berimpak tinggi, meningkatkan jumlah geran penyelidikan antarabangsa, meningkatkan bilangan pasca kedoktoran, menjana pendapatan melalui hasil penyelidikan dan pengkomersialan. Sehubungan ini, pihak RMIC, Dekan, Pengarah dan pensyarah perlu memastikan sistem e-profile yang menjadi sumber data utama bagi MyRA sentiasa dikemaskini. Kita sasarkan UMT

mendapat MyRA 4 STAR menjelang 2017. Ini penting kerana peruntukan Inovatif dan Insentif berdasarkan prestasi dan pencapaian KPI.

64) Bagi menonjolkan penyelidikan dalam bidang tujuhan UMT, saya menyarankan supaya kita meningkatkan **jalinan kerjasama bersama agensi yang berkaitan seperti UNESCO/Intergovernmental Oceanographic Commission in the Western Pacific (WESTPAC) ataupun ASEAN** dengan menerajui jawatankuasa, majlis atau urusetia mesyuarat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang memberikan berimpak tinggi. Harapan saya adalah kita menjadi pakar rujuk melalui tindakan proaktif terhadap isu-isu semasa berkaitan bidang tujuhan universiti.

65) Syabas dan tahniah kepada para akademik dan penyelidik yang berjaya memenangi Anugerah Antarabangsa dan Kebangsaan didalam penyelidikan masing-masing. Kita raikan juga antaranya di dalam Majlis Julangan Bakat 2015. Kita patut hebahkan kehebatan pencapaian UMT di Media, terutama hasil R & D yang boleh di komersilkan. Namun begitu, saya ingin juga supaya TNC HEPI dan Pengarah RMIC mengkaji semula keberkesanan dan sumbangan setiap SIG serta keperluan *Technology Transfer Office vis-à-vis* Pusat Jaringan Industri dan Komuniti dan UMT Jaya dalam memperkasakan Pemindahan ilmu, penyelidikan, pengkomersilan dan perundingan UMT. Saya mencadangkan supaya satu pameran hasil penyelidikan semua SIG diadakan menjelang bulan Ogos 2016. Syabas dan tahniah kepada SIG Coastal Disaster Risk Solution yang aktif menyumbang kepada kajian bencana banjir dan hakisan pantai. Sesungguhnya besar harapan diletakkan keatas SIG dan Task Force ini bagi memantau kerja-kerja perlindungan dan keselamatan pantai UMT serta juga mencadangkan pembangunan baru di kawasan ini. Semoga SIG lain dapat mencontohi kesepakatan kumpulan SIG ini.

66) Syabas kepada sidang editorial JSSM kerana berjaya melonjakkan kedudukan jurnal ini ke tangga 13 daripada 76 jurnal di Malaysia berdasarkan kajian SCImago Journal and Country Rank. Namun saya percaya bahawa kita masih dapat meningkatkan lagi prestij jurnal ini dengan mencapai indeks ISI menjelang tahun 2018. Usaha ke arah ini perlu bermula dari sekarang dengan penyelidik UMT terdahulu memilih dan mengiktiraf JSSM untuk penerbitan hasil penyelidikan yang berkualiti tinggi dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

Keunggulan Global

Untuk makluman semua,

67) Berdasarkan QS University Asian Ranking, UMT berada pada tangga 251-300 dalam kalangan university di ASEAN, berdasarkan subjek *Earth and Marine Science*, satu kedudukan yang boleh diperbaiki dengan meningkatkan keterlihatan *niche* didalam *citations* bagi subjek *Environment and Sustainability, Aquaculture* serta *Marine Biotechnology* di peringkat antarabangsa.

68) Bilangan pelajar antarabangsa merupakan salah satu penanda aras pengantarabangsaan sesebuah universiti. Pada tahun 2016, UMT bertekad untuk meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa pascasiswazah melalui penawaran 10 Biasiswa ASEAN menjelang Julai 2016 menggunakan sumber dalaman yang dijana sendiri.

69) Saya menyarankan semua pusat pengajian berusaha mengambil sekurang-kurangnya 10 orang pelajar antarabangsa di peringkat sarjana muda. Saya juga mengharapkan setiap institut kecemerlangan dapat mengambil sekurang-kurangnya

10 orang pelajar antarabangsa di peringkat pasca siswazah. Usaha ke arah ini dapatlah dilaksanakan oleh pusat pengajian dengan kerjasama Pusat Antarabangsa dan Pusat Pengurusan Siswazah. Perlu juga difikirkan kaedah terbaik bagi mewujudkan suasana harmoni dan persaudaraan erat di kalangan warga dengan staf dan pelajar antarabangsa.

70) Program mobiliti pelajar akan diperkasa agar lebih ramai pelajar antarabangsa mengikuti program sangkutan berkredit di UMT. Sebagai langkah segera, kita perlu menggunakan kelebihan program Masters Tropimundo di UMT sebagai salah satu model program mobiliti berkredit. Saya menyeru pihak PPPKA, Pusat Pengurusan Siswazah dan INOS meneliti perkara ini dan melaksanakannya pada pengambilan pelajar akan datang.

71) Selain itu, UMT turut berpeluang meningkatkan mobiliti pelajar ke luar negara melalui dana ASEAN International Mobility for Students (AIMS) yang membolehkan pelajar prasiswazah mengikuti pengajian jangka pendek berkredit dalam bidang Sains Marin serta Sains Sekitaran dan Pengurusan di universiti berkaitan di ASEAN. Menjelang Jun 2016, UMT mensasarkan seramai 16 pelajar prasiswazah dapat mengikuti program ini dengan suntikan dana berjumlah RM150 ribu. Inisiatif ini perlu digerakkan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

72) Keterlihatan UMT di kalangan pemain global perlu dipertingkatkan dengan cara menonjolkan kepakaran di peringkat antarabangsa. Oleh itu, saya menyarankan Pusat Antarabangsa dan pusat pengajian bekerjasama menganjurkan *Thematic Signature Conference*, iaitu sebuah persidangan bertaraf antarabangsa bersama rakan-rakan MoU antarabangsa dalam bidang kepakaran yang sama pada suku keempat tahun ini. Rakan-rakan MoU yang baharu (2015) luar negara termasuklah :-

- a) Marine Biological Muzeum & Dong Chu University Taiwan,
- b) UTAS , Tasmania, Australia
- c) Herriot Watt University, United Kingdom

73) Disamping itu juga saya menyarankan agar setiap pusat pengajian dan Institut kecemerlangan dapat meningkatkan bilangan tenaga akademik antarabangsa dan sasaran adalah seramai 10 orang disetiap pusat pengajian dan institut bagi tahun 2016-2017.

74) Dengan rasa penuh kesyukuran, suka saya mengumumkan bahawa UMT bakal menerima RM1.2 juta sumbangan Nusantara Technologies Sdn. Bhd. khusus untuk Kursi Maritim dan kelengkapan makmal Institut Penyelidikan Kenyir, seperti yang telah diumumkan oleh Pengerusinya yang juga merupakan CEO@Faculty UMT. Sehubungan dengan itu, saya menyarankan tindakan susulan terhadap perkara ini dilakukan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) serta Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) khususnya juga bagi membudayakan dan menjadualkan Siri Syarahan Perdana Professor dari kalangan Malim dan pakar dalaman. Semoga segala usaha yang bakal dilaksanakan akan terus menonjolkan UMT di peringkat global.

Pembelajaran dalam Talian Tahap Global

Para hadirin sekalian,

75) UMT telah mengerakkan usaha ke arah menyahut Lonjakan 9 PPPM (PT) 2015-2025 : Pembelajaran dalam Talian Tahap Global dengan membangunkan empat kursus Massive Open Online Courses (MOOC) ini iaitu Naval Architecture and Ship

Buiding, Principles of Ecology, Software Engineering dan Sustainable Development. Pada tahun ini universiti mensasarkan 4 lagi kursus-kursus dalam bidang tujuhan dapat dibangunkan sebagai program MOOC.

76) Antara kursus MOOC yang bakal dilaksanakan pada tahun ini adalah kursus Sea Turtle Biology and Conservation dan Entrepreneurship hasil kerjasama dengan Taylor's University yang dijadualkan bermula Januari hingga Julai tahun ini. Tanggungjawab untuk melaksanakan kursus MOOC ini adalah di bawah Pengarah Pusat Perancangan Pembangunan dan Kualiti Akademik (PPPKA) dan Ketua Unit SEATRU.

77) Untuk makluman semua, UMT telah diberi peluang oleh OpenLearning Global Sdn Bhd selaku penganjur program *MOOCs Competition Environmental Science & Technology 2016*. Program ini merupakan kerjasama dengan Taylor's University dan pihak National Geographic bagi penganjuran pertandingan tersebut pada tahun ini. Ini merupakan satu pengiktirafan ke atas pasukan yang membangunkan MOOC ini.

78) Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak PPPKA dan juga pasukan Media Kreatif, Pusat Komunikasi Korporat dan semua yang terlibat atas usaha membangunkan program MOOC ini.

79) Pada bulan November 2016 nanti, PPPKA akan menganjurkan **International Conference on Teaching and Learning in Higher Education (ICTLHE)** yang lebih menjurus kepada konsep "**Future Teaching and Learning**".

Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri

Para hadirin sekalian,

80) Projek Akuapolitan Kuala Nerus (AKN) sedang dalam fasa perancangan dan tahun 2016 merupakan satu tahun yang cukup mencabar bagi komponen ini berikutan pelaksanaannya menjelang bulan April nanti. Projek ini dijangka bernilai lebih RM1 juta dibiayai sepenuhnya oleh East Coast Economic Region Development Corporation (ECERDC) dengan kerjasama pihak kerajaan Negeri Terengganu dengan menggunakan kepakaran UMT untuk membangunkan ekonomi komuniti setempat Daerah Kuala Nerus.

81) Bagi membina rangkaian dan menjalin hubungan erat UMT dengan industri, program Rakan@UMT akan diperkasakan dengan memberi peluang kepada pihak industri untuk membuka pejabat, makmal dan inkubator di dalam universiti. Jawatankuasa Bersama dan Dailog Universiti-Industri akan mengurangkan proses birokrasi sekali gus menggalakkan kemasukan pihak industri dalam menyumbangkan usaha terhadap kemajuan dan pembangunan program baharu universiti.

82) Oleh itu, saya ingin mengarahkan setiap pusat pengajian dan institut penyelidikan perlu mempunyai sekurang-kurangnya 1 Rakan Industri, 1 Rakan Akademik dan 1 Rakan Komuniti. Program ini akan dipantau oleh setiap Timbalan Naib Canselor dan Penolong Naib Canselor berdasarkan portfolio masing-masing.

83) Antara rakan industri yang dapat kita manfaatkan adalah Nusantara Technologies Sdn. Bhd. iaitu sebagai CEO@Faculty UMT dan juga AM Setia Sdn Bhd. Pelantikan ini dapat memberi kelebihan kepada UMT untuk merealisasikan program Rakan@UMT yang memberikan nilai tambah latihan program keushawanan kepada pelajar dan kelab pelajar, staf dan citra universiti. Oleh itu, saya ingin menyarankan kepada TNC-TNC dan PNC agar berusaha untuk memperluaskan penawaran rakan

industri ke Industri E-Zone bagi menjalankan operasi di dalam kampus UMT seperti konsep Teaching Accountancy Firm (TAF) oleh Salihin Chartered Accountants.

84) Pada tahun 2016, saya berharap kita memantapkan hala tuju bagi pengiktirafan daripada KPT untuk UMT sebagai Industrial Centre of Excellence (ICoE) dalam bidang Maritim dan Akuakultur. Saya juga mengharapkan inisiatif baharu bidang maritim bagi Institut Oseanografi serta Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi (PPSE) dan juga Bahagian Pembangunan Sosio Ekonomi, Institut Penyelidikan Kenyir memfokuskan kepada bidang kemanusiaan, perundangan dan alam sekitar. Tindakan bagi mendapatkan pengiktirafan ini akan digerakkan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi) dengan PTJ berkenaan dengan kadar segera.

Kemampuan Kewangan

Para hadirin sekalian,

85) Pengurangan dalam peruntukan belanja mengurus UMT merupakan satu cabaran utama yang perlu kita hadapi pada tahun ini. UMT telah merangka beberapa strategi bagi menghadapi situasi ini iaitu melalui pemerkasaan endowmen, pelaburan, penjanaaan pendapatan yang lebih agresif, penjimatan sumber dan perbelanjaan berhemah.

86) Dalam ucapan amanat 100 hari yang lalu, saya telah menekankan kepentingan strategi penjimatan dalam operasi universiti seperti penjimatan caj utiliti dan menggiatkan penggunaan sumber alternatif. Saya menyarankan supaya setiap PTj berusaha untuk mengurangkan kos utiliti sebanyak 5% dan PTj yang berjaya mencapai penjimatan ini akan mendapat pengiktirafan berbentuk insentif khas.

87) UMT mempunyai beberapa buah stesen penyelidikan seperti di Pulau Bidong, Chagar Hutang, Setiu Wetland, Kenyir dan Bukit Kor. Selain berfungsi sebagai makmal penyelidikan dan pembelajaran, ia juga dapat dimenfaatkan sepenuhnya bagi pusat pembelajaran dan penyelidikan, dan dijadikan hub edu-tourism dengan kerjasama UMT Jaya Holdings.

88) Untuk tahun 2016, UMT mensasarkan pendapatan sebanyak 8 juta. Pelbagai aset dan fasiliti yang berpotensi dapat digunakan untuk menjana pendapatan melalui sewaan seperti kompleks sukan, asrama, makmal, bilik seminar dan peralatan penyelidikan. Saya ingin melihat usaha yang lebih agresif terhadap penjanaaan pendapatan melalui RV Discovery dan tanggungjawab ini diletakkan di bawah Pengarah Makmal Berpusat.

89) Potensi penjanaaan pendapatan melalui perkhidmatan kesihatan adalah tinggi. Saya percaya Pengarah Pusat Kesihatan UMT telah mempunyai perancangan untuk mengembangkan perkhidmatan ini kepada pihak luar. Oleh itu, saya menyeru supaya inisiatif ini dapat dilaksanakan segera dengan jayanya.

90) Penjanaaan pendapatan melalui pengkomersilan produk UMT masih boleh dipertingkatkan. Usaha mengkomersilkan produk penyelidikan UMT akan digiatkan melalui RMIC dan UMT Jaya Holdings dengan kerjasama Teaching Accountancy Firm (TAF) yang mempunyai kepakaran dalam memadankan produk penyelidikan dengan industri.

91) UMT akan memperkemaskan strategi aktiviti pengkomersilan universiti melalui 3 domain yang memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan bilangan

produk agar berada di pasaran tempatan mahupun antarabangsa serta penjanaaan pendapatan. 3 domain tersebut ialah pengukuhan produk, rakan industri/smart partnership dan kapasiti penyelidikan inovasi.

92) Syukur alhamdulillah, kita telah mendapat sejumlah RM9.4 juta untuk program pembangunan di bawah RMK11 pada tahun 2016. UMT telah mendapat kelulusan untuk melaksanakan tiga projek baharu pada tahun ini iaitu Kompleks Pusat Pendidikan Asas dan Liberal (RM5 juta) di Bukit Kor, Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur (RM3.4 juta) di kampus induk dan Stesen Penyelidikan Luar (RM1 juta). Secara keseluruhan, kita mendapat sebanyak RM32 juta untuk melaksanakan keseluruhan projek tersebut.

PENUTUP BICARA

Para warga UMT yang di kasihi sekalian,

93) Tahun 2015 menyaksikan Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran, peristiwa pahit dan manis. Prestasi UMT pada tahun 2015 adalah amat membanggakan walaupun cabaran dan halangan adalah dari pelbagai pihak dan sudut. Hasrat UMT ialah untuk memastikan semua pihak di UMT bersama-sama berganding bahu melakarkan kejayaan; agar kita terus bergerak atas daya usaha sendiri dan kerjasama sesama kita.

94) Bagaimana pun cabaran getir akan menanti kita pada tahun 2016, dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu berikutan ketidakstabilan harga minyak dunia. Sehubungan itu, berikutan peruntukan kewangan yang begitu ketat akan menyaksikan kita terpaksa melaksanakan dasar mengoptimumkan sumber perbelanjaan dan berfikir secara kreatif serta inovatif dalam melaksanakan tugas.

95) Hala tuju yang telah disebutkan tadi merupakan agenda universiti dalam usaha memartabatkan nama Universiti Malaysia Terengganu agar terus relevan dalam aspirasi kecemerlangan pendidikan tinggi negara. Keupayaan, kemajuan dan pencapaian kita diukur oleh masyarakat nasional dan global dan pihak kementerian akan memantau prestasi kita dari masa ke semasa.

96) Namun demikian, dalam usaha kita memenuhi penilaian prestasi dan kehendak tersebut, kita tidak seharusnya meminggirkan persepsi pihak luar serta faedah yang sepatutnya diperolehi oleh komuniti tempatan yang berada di sekeliling kita setiap hari. Tiada maknanya jika nama UMT gah pada tahap global tetapi tiada sumbangan bermakna yang kita berikan kepada jiran komuniti setempat. Kecemerlangan UMT seharusnya dapat memberi manfaat kepada komuniti setempat dalam meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

97) Syarahan ini memberikan panduan untuk kita mengukuhkan pelaksanaan serta tindakan penambahbaikan berterusan. Sehebat manapun perancangan dan halatuju sesebuah organisasi tidak akan ke mana jika tiadanya garis panduan pelaksanaan yang jitu. Saya memilih untuk memfokuskan kepada aspek pelaksanaan "Walk the talk" kerana ini adalah masa untuk kita bergerak bersama-sama dan bukannya mencari kesilapan dan menuding jari. Marilah kita bersama-sama melaksanakan yang terbaik dan bantu saya memantau dengan teliti segala pelaksanaan hala tuju yang telah digariskan dalam ucapan ini.

*Lautan Bidong luas terbentang
Putih berseri indahnya maya*

*Percaya - mempercayai asas berpegang
Barulah sepakat kekal bersamanya*

98) Pesanan akhir saya, amatilah tajuk syarahan kali ini iaitu "**Kesepakatan Perancangan Nilai, Kebersamaan Pelaksanaan Kecemerlangan**". Tajuknya cukup ringkas tetapi memberi tafsiran yang cukup jelas untuk kita semua. Semoga segala usaha murni perpaduan dan penyatuan hati kita ini mendapat keredhaan dan keberkatan dari Allah SWT. Ameen...

99) Marilah kita sama-sama laungi *Battle cry* KPT, **Soaring Upwards (3X)**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum waramatullah wabarakatuh.